

INFLASI DI TERENGGANU : CABARAN DAN SARANAN

Pengarang

Asyraf Bin Salleh

Pegawai Penyelidik Jabatan Pengurusan Strategik & Advokasi Dasar





Inflasi di Terengganu - Cabaran Dan Saranan

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

Emel Pengarang : asyraf@tsis.my

INFLASI DI TERENGGANU : CABARAN DAN SARANAN

Penulis :

ASYRAF BIN SALLEH

Pegawai Penyelidik

*Jabatan Pengurusan Strategik dan Advokasi Dasar
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)*

Pendahuluan

Penangan pandemik COVID-19 yang melanda negara pada tahun 2020 menyebabkan rakyat sentiasa mengharapkan tahun seterusnya adalah lebih baik. Walaupun kes positif COVID-19 masih belum reda sepenuhnya di awal tahun 2022, kebanyakan rakyat di seluruh negara mulai bimbang dengan isu kenaikan harga barangan asas seperti ayam, sayuran, telur dan sebagainya. Situasi ini mengakibatkan kos sara hidup rakyat terutama golongan B40 semakin tinggi.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Indeks Harga Pengguna (IHP) negara pada bulan Disember 2021 meningkat kepada 124.5 berbanding 120.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya menjadikan inflasi Malaysia pada kadar 3.2 peratus. Kenaikan ini melepasi purata inflasi negara bagi tempoh 2011 hingga 2021 iaitu pada kadar 1.9 peratus. Untuk tempoh yang sama, Terengganu mencatatkan kadar inflasi tertinggi di antara semua negeri iaitu 3.9 peratus. Apa yang lebih mengejutkan, kadar inflasi di negeri ini konsisten melebihi paras nasional sejak November 2020 lagi. Perbezaan yang ketara antara kadar inflasi Terengganu dan Malaysia adalah pada bulan April (1.9%) dan Mei 2021 (1.8%) manakala bulan Jun, Oktober dan November 2021 pula mencatatkan perbezaan inflasi pada kadar 1.0 peratus.

Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Kadar Inflasi

Indeks Harga Pengguna (IHP) atau dipanggil sebagai *Consumer Price Index* (CPI) merupakan salah satu indikator makro ekonomi negara yang sering diberikan perhatian oleh para pelabur selain daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kadar pengangguran dan imbalan perdagangan (*balance of trade*). IHP juga adalah alat bacaan kadar untuk mengukur kadar inflasi dengan mengambil kira harga purata barangan dan perkhidmatan untuk tempoh masa tertentu. Perubahan peratus IHP sesebuah negara atau negeri adalah penunjuk kepada kadar inflasi di tempat tersebut.

Terdapat 12 komponen yang diambil kira di dalam pengiraan IHP iaitu Makanan dan Minuman Bukan Alkohol; Minuman Alkohol dan Tembakau; Pakaian dan Kasut; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain; Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah; Kesihatan; Pengangkutan; Komunikasi; Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan; Pendidikan; Restoran dan Hotel; serta Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan.

Kesan Peningkatan Inflasi

Inflasi adalah perubahan kuasa beli sesuatu matawang terhadap barangan di pasaran. Peningkatan kadar inflasi menunjukkan bahawa kuasa beli pengguna

sedang menurun dengan mengambil kira pendapatan pengguna masih berada di tahap yang sama. Namun begitu, kadar inflasi sesebuah negara dalam julat nilai sifar sehingga dua peratus adalah salah satu indikator yang menunjukkan ekonomi negara tersebut sedang membangun. Kadar yang melebihi tiga peratus dan ke atas pula berisiko meletakkan negara mengalami hiperinflasi.

Kadar inflasi juga dianggap sebagai anggaran bagi kadar kenaikan kos sara hidup. Selagi perbezaan dalam corak perbelanjaan dan perubahan harga tidak ketara, kadar inflasi merupakan pengukur yang munasabah bagi anggaran kos sara hidup. Dalam mendapatkan hipotesis yang tepat antara kadar inflasi dan kos sara hidup di dalam negara, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menjalankan suatu kajian pada tahun 2016 untuk menilai perubahan corak perbelanjaan dan kos merentasi pelbagai kategori isi rumah serta lokasi geografi terhadap kadar inflasi dan kos sara hidup.

Dua dapatan utama diperolehi melalui kajian ini. Pertama, kadar inflasi lebih tinggi di negeri yang mempunyai tahap pembandaran tinggi. Secara amnya, kadar inflasi kebangsaan lebih rendah berbanding kadar inflasi isi rumah di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi seperti Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Pulau Pinang dan Johor. Kedua, kadar inflasi lebih tinggi untuk kumpulan berpendapatan lebih rendah merentasi kebanyakan negeri di Malaysia. Isi rumah dalam kumpulan berpendapatan 20 peratus terendah (B20) mengalami kadar inflasi antara 0.12 hingga 1.12 peratus lebih tinggi berbanding kumpulan berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20).


Memandangkan kumpulan berpendapatan lebih rendah kebiasaannya memperuntukkan bahagian perbelanjaan yang lebih besar untuk makanan, mereka mengalami inflasi yang lebih tinggi disebabkan peningkatan inflasi makanan seperti yang berlaku pada tahun 2021 (Dis 2020 – Dis 2021: 3.2%). Kumpulan berpendapatan lebih rendah juga kurang mendapat manfaat daripada subsidi bahan api dalam negeri disebabkan bahagian perbelanjaan yang lebih rendah untuk bahan api. Oleh itu, secara kesimpulannya, isi rumah berpendapatan lebih rendah yang tinggal di negeri dengan tahap pembandaran yang tinggi cenderung mengalami peningkatan paling tinggi dalam kos sara hidup.

Realiti Semasa Kadar Inflasi

Bagi keseluruhan tahun 2021, Malaysia mencatatkan kadar inflasi sebanyak 2.5 peratus, meningkat berbanding negatif 1.2 peratus (deflasi) pada tahun sebelumnya. **Rajah 1** menunjukkan kadar inflasi adalah berkadar langsung dengan KDNK negara manakala ia berlawanan dengan kadar pengangguran. Dengan kata lain, apabila kadar inflasi meningkat, ia juga petanda bahawa ekonomi mengalami pertumbuhan positif dan mengurangkan kadar pengangguran. Begitu juga sebaliknya.

Oleh sebab itu, kebanyakan negara berusaha mengawal kadar inflasi sekitar sifar hingga ke dua peratus kerana ia bersifat optimum serta adil kepada kedua-dua pihak iaitu pengguna dan penjual.

Rajah 1. Perbandingan indikator makro ekonomi di Malaysia (2019-2021)



Inflasi di Peringkat Global


Zon Eropah mencatatkan kadar inflasi yang tertinggi pada Disember 2021 iaitu pada kadar 5.3 peratus berbanding November 2021 (5.2%) setelah mengalami peningkatan inflasi bagi enam bulan berturut-turut. Amerika Syarikat juga turut mengalami peningkatan kadar inflasi sebanyak 7.0 peratus pada Disember 2021, nilai tertinggi dalam tempoh 40 tahun.

Bagi perbandingan negara terpilih di rantau Asia Pasifik, Malaysia mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah (3.2%) bagi Disember 2021 berbanding Korea Selatan (3.7%) dan Filipina (3.6%). Namun begitu, inflasi di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding negara jiran seperti Thailand (2.2%) dan Indonesia (1.9%). Walaupun Thailand mengalami penurunan kadar inflasi yang didorong oleh Kumpulan Pengangkutan (-8.7%) dan Perumahan (-0.14%), namun Kumpulan Makanan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.8%. Begitu juga di Indonesia apabila peningkatan kadar inflasi di negara tersebut disumbangkan oleh Kumpulan Makanan, Minuman dan Tembakau (3.1%) serta Kumpulan Perkhidmatan Makanan dan Restoran (2.7%).

Apa yang menjadi perhatian adalah kadar inflasi di negara-negara terpilih ini menunjukkan bahawa Kumpulan Makanan dan Minuman menjadi salah satu daripada tiga penyumbang utama kepada kenaikan kadar inflasi di negara-negara

tersebut termasuk Malaysia iaitu sebanyak 3.2 peratus. Ini menunjukkan bahawa faktor kenaikan inflasi makanan adalah faktor global yang berlaku di seluruh dunia.

Rajah 2. Perbandingan kadar inflasi Malaysia dengan negara terpilih pada Disember 2021 (%)



Faktor Kenaikan Kadar Inflasi Malaysia

Berdasarkan analisis yang dikeluarkan oleh DOSM, berikut adalah beberapa faktor yang membawa kepada peningkatan inflasi di dalam negara:

1. Kekurangan bekalan makanan terutama sayuran dan makanan laut akibat cuaca tidak menentu seperti hujan lebat yang berterusan sehingga menyebabkan berlaku banjir.
2. Penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbum RON95 oleh kerajaan bermula Mac 2021 pada harga RM2.05.
3. Peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 berikutan kenaikan harga bijirin global.
4. Peningkatan harga minyak masak ekoran kenaikan harga minyak sawit mentah dunia.
5. Penamatan diskaun elektrik di Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020.


Kelima-lima faktor ini merupakan faktor sementara yang menyebabkan peningkatan inflasi. Kajian daripada Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mendapati bahawa jika terdapat intervensi yang efektif sama ada daripada pihak Kerajaan Persekutuan mahupun Negeri, kadar inflasi dan peningkatan kos sara hidup ini akan dapat diatasi sebaiknya.

Perbandingan Kadar Inflasi di Terengganu dan Malaysia


Tahun 2021 mencatatkan inflasi yang tinggi di Terengganu iaitu pada kadar 3.4 peratus melebihi paras nasional (2.5%) dan merupakan kali pertama dalam tempoh lima tahun terakhir. **Rajah 3** menunjukkan bahawa kadar inflasi Terengganu untuk tempoh tiga tahun (2017-2019) sentiasa berada di bawah paras nasional. Namun pada tahun 2021, inflasi di Terengganu melebihi paras nasional dengan perbezaan 0.9 peratus.

Jika dilihat pada nilai IHP yang menunjukkan purata harga bagi 12 kumpulan barangan dan perkhidmatan (**Rajah 4**), keseluruhan IHP di Terengganu masih kekal berada di bawah paras nasional sejak 2017 sehingga 2021. Namun begitu, perubahan ketara pada nilai IHP di Terengganu terutama sepanjang tahun 2021 telah menyebabkan ia mengalami inflasi yang lebih tinggi dan sangat dirasakan oleh rakyat di negeri ini.

Rajah 3. Perbandingan kadar inflasi Malaysia dan Terengganu (2017-2021)



Rajah 4. Perbandingan nilai IHP Malaysia dan Terengganu (2017-2021)



Menurut DOSM, faktor utama peningkatan inflasi di Terengganu bagi tempoh Disember 2020 sehingga Disember 2021 adalah disumbangkan oleh Kumpulan Pengangkutan dan Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol yang masing-masing meningkat sebanyak 12.8 dan 2.9 peratus, di mana kedua-duanya menyumbang sebanyak 51 peratus kepada perbelanjaan isi rumah rakyat di negeri ini.

Walau bagaimanapun, jika dilihat secara lebih terperinci, Terengganu mencatatkan inflasi yang lebih tinggi bagi tujuh daripada 12 kumpulan seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 1**, iaitu Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain; Kesihatan; Pengangkutan; Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan; Pendidikan;

Restoran dan Hotel; serta Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan. Untuk nilai IHP pula, Terengganu masih berada di bawah paras nasional kecuali pada tiga kumpulan iaitu Kumpulan Kesihatan, Pendidikan serta Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan.

Jadual 1. Perbandingan kadar inflasi dan nilai IHP mengikut kumpulan tertentu (Disember 2021)

	Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	Kesihatan	Pengangkutan	Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	Pendidikan	Restoran & Hotel	Pelbagai Barangan & Perkhidmatan
Kadar Inflasi							
Malaysia	3.4	0.2	9.5	0.4	0.2	1.3	0.4
Terengganu	4.3	0.6	12.8	0.7	1.6	2.7	0.8
Nilai IHP							
Malaysia	124.7	124.2	115.1	113.2	122.0	134.2	117.6
Terengganu	114.6	124.6	114.6	108.5	128.7	123.4	124.6

Justeru, terdapat dua perkara yang menjadi perhatian utama melalui dapatan ini. Pertama, tujuh daripada 12 kumpulan mengalami perubahan harga yang ketara bagi negeri Terengganu berbanding di peringkat nasional menjadikan kadar inflasi bagi kesemua kumpulan tersebut lebih tinggi di negeri ini.

Kedua, tiga daripadanya bukan sahaja mempunyai kadar inflasi yang tinggi, bahkan harga purata bagi tiga kumpulan tersebut juga lebih tinggi berbanding di peringkat nasional. Ia melibatkan dua keperluan asas utama kepada rakyat iaitu kesihatan dan pendidikan. Dengan kata lain, kos kesihatan dan pendidikan di Terengganu lebih tinggi berbanding kos di peringkat nasional di samping ia juga mengalami peningkatan harga yang ketara.

Perbandingan Inflasi di Terengganu dan Negeri Terpilih

Bagi melihat sejauh mana peningkatan kadar inflasi di Terengganu, artikel ini membandingkannya dengan negeri jiran di Pantai Timur iaitu Kelantan dan Pahang. Malah, turut dilihat juga negeri yang mempunyai struktur ekonomi yang sepadan seperti Terengganu di mana sektor perkhidmatan dan pembuatan adalah sektor yang dominan iaitu negeri Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan.


Berdasarkan tahap pembandaran seperti yang direkodkan oleh BNM, Terengganu mempunyai tahap pembandaran yang sederhana, iaitu lebih tinggi berbanding negeri jiran Kelantan dan Pahang di mana keduanya mempunyai tahap pembandaran yang rendah. Namun begitu, Pulau Pinang, Melaka dan Negeri

Sembilan pula mempunyai tahap pembandaran yang lebih tinggi berbanding Terengganu.


Justeru, menurut kesimpulan daripada kajian BNM seperti yang dinyatakan sebelum ini, kadar inflasi di Terengganu sepatutnya merekodkan kadar lebih tinggi berbanding Kelantan dan Pahang, namun lebih rendah berbanding Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan.

Rajah 5 dan **Rajah 6** menunjukkan pola yang sama di mana tempoh antara 2017 sehingga 2019 mencatatkan kadar inflasi terendah bagi negeri Terengganu berbanding semua negeri.

Rajah 5. Perbandingan kadar inflasi Terengganu dan negeri terpilih (2017-2021)



Rajah 6. Perbandingan kadar inflasi negeri di Pantai Timur (2017-2021)



Walau bagaimanapun, bagi tahun 2021, Terengganu mencatatkan peningkatan kadar inflasi yang tinggi melebihi kesemua negeri tersebut. Justeru, hipotesis tahap pembandaran mempengaruhi kadar inflasi hanya selari dengan data yang ditunjukkan di dalam **Rajah 6**, tidak pada **Rajah 5** di mana inflasi Terengganu melebihi kadar di Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan. Ini menunjukkan bahawa kenaikan kadar inflasi di Terengganu adalah kenaikan di luar kawalan dan memerlukan intervensi yang pantas serta efektif untuk menanganinya.

Jadual 2 pula menunjukkan nilai IHP keseluruhan bagi Terengganu adalah yang paling rendah di antara keenam-enam negeri bagi tahun 2020 dan 2021 di mana ia menggambarkan purata harga barangan dan perkhidmatan di Terengganu secara keseluruhannya adalah lebih murah.

Jadual 2. Perbandingan IHP Terengganu dan negeri terpilih (2020-2021)

	Terengganu	Kelantan	Pahang	Pulau Pinang	Melaka	Negeri Sembilan
2020	115.6	118.8	117.6	122.3	118.1	120.5
2021	119.5	122.5	121.1	124.9	120.9	123.6

Namun begitu, peningkatan mendadak terhadap purata harga telah menyebabkan kadar inflasi di negeri ini mencanak naik melebihi negeri-negeri lain. Apa yang lebih membimbangkan, peningkatan kadar inflasi ini adalah indikator peningkatan kos sara hidup. Oleh itu, tahun 2022 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi rakyat Terengganu terutama golongan B40 dan fakir miskin. Ini adalah kerana trend menaik yang bermula sejak November 2020 di negeri ini seperti tidak menunjukkan penurunan yang signifikan. Secara realitinya, kesan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan semakin dirasakan oleh rakyat sejak pertengahan tahun lalu terutamanya selepas berakhirnya PKP 3.0.

Intervensi dan Bantuan Kerajaan

Inflasi adalah sesuatu yang tidak boleh dibendung. Ia merupakan sebahagian daripada sifat pasaran ekonomi. Apa yang boleh dilakukan adalah dengan mengawal kadar inflasi tersebut. Kerajaan Malaysia bertindak melalui dasar monetari yang dikelola oleh BNM manakala pelaksanaan dasar fiskal pula melalui Kementerian Kewangan untuk mengawal kadar inflasi di negara ini. Melalui sistem monetari, BNM akan mengawal Polisi Kadar Semalaman (OPR), iaitu kadar faedah pinjaman antara bank untuk mengimbangi kadar inflasi semasa yang berlaku. Dasar fiskal pula dilaksanakan melalui kaedah percukaian, subsidi, penetapan harga siling, insentif berkala, pemberian *one-off* dan sebagainya.

Antara inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat menghadapi kenaikan inflasi adalah melalui peruntukan subsidi dan insentif berjumlah RM31 bilion di bawah Belanjawan 2022. Kerajaan juga menyediakan

bantuan sebanyak RM200 juta untuk mengurangkan harga barangan keperluan bagi penduduk luar bandar selain peruntukan sebanyak RM400 juta untuk menstabilkan harga minyak masak dan memanjangkan program mekanisme kawalan harga minyak masak. Selain bantuan berbentuk kewangan, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) turut melaksanakan beberapa inisiatif dalam mengawal harga barangan dengan menggerakkan 1,000 Pegawai Pemantau Harga (PPH) secara harian untuk memantau harga 480 item di 1,500 premis di seluruh negara.

Di Terengganu pula, intervensi awal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat menghadapi kadar inflasi yang tinggi adalah melalui insentif yang diumumkan di dalam Belanjawan Terengganu 2022. Secara keseluruhannya, peruntukan bagi perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 20.5 peratus berbanding tahun 2021 daripada RM1.375 bilion kepada RM1.657 bilion. Kerajaan Negeri juga berusaha memperkuat daya tahan setiap isi rumah di Terengganu dengan pelbagai insentif sama ada pemberian tunai secara *one-off* serta baucar kesihatan kepada golongan sasaran, penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu dan sokongan kepada sektor perniagaan.

Suatu Saranan

Bagi mendepani isu inflasi yang semakin meningkat dan membimbangkan rakyat di negeri Terengganu, terdapat beberapa saranan bersasar sama ada mengikut kumpulan barangan dan perkhidmatan mahupun kepada golongan yang terjejas seperti kumpulan B40 dan fakir miskin. Seperti yang dijelaskan pada bahagian sebelum ini, statistik peningkatan kadar inflasi di Terengganu berpunca daripada kenaikan signifikan inflasi Kumpulan Pengangkutan dan Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol.

Selain itu, Kumpulan Kesihatan dan Pendidikan juga perlu diberi perhatian sewajarnya memandangkan keduanya bukan sahaja mencapai nilai IHP yang tinggi, bahkan berlaku peningkatan ketara bagi purata harga kumpulan tersebut.

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol

Punca utama berlakunya peningkatan di dalam kumpulan ini adalah disebabkan permintaan tinggi dan perbekalan terhad yang disebabkan pelbagai faktor. Justeru, perkara utama yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah memastikan secara lebih terperinci item bekalan makanan yang tidak mencukupi dan mempunyai permintaan tinggi khusus bagi Terengganu, seterusnya mencari jalan penyelesaian efektif bagi tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang efektif untuk mengatasinya.

Seperti yang telah dirancang sejak tahun 2021, penambahbaikan sistem penternakan melalui penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Terengganu 2015 perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Ini bagi membolehkan penternakan seperti ayam kampung, itik pedaging/penelur dan ayam pedaging dapat dihasilkan dengan lebih banyak dan berkualiti serta meningkatkan bekalan makanan di dalam negeri.

Selain itu, perancangan Kerajaan Negeri melalui Koperasi Masjid yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM200 ribu perlu dilaksanakan dalam tempoh terdekat di seluruh negeri Terengganu dalam usaha membantu rakyat untuk mendapatkan bekalan makanan keperluan pada harga berpatutan dan sesuai dengan kemampuan mereka. Perkara ini boleh dilaksanakan secara berfasa dengan menyasarkan sekurang-kurangnya tiga buah masjid di setiap daerah untuk mewujudkan Koperasi Masjid di kala rakyat sedang menghadapi kenaikan kos sara hidup pada ketika ini.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna boleh mengadakan kerjasama yang padu bersama KPNDHEP dalam memantau harga barangan terpilih secara berkala di seluruh negeri.

Kumpulan Pengangkutan

Secara umumnya, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi Hijau perlu memainkan peranan dalam mengenal pasti punca utama kenaikan kadar inflasi bagi Kumpulan Pengangkutan dan bertindak secara proaktif dengan mengadakan kerjasama dan perbincangan dua hala bersama Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam menguruskan sektor pengangkutan di Malaysia. Berdasarkan pemerhatian, negeri Terengganu masih kekurangan pusat servis bagi jenama kenderaan tertentu dan menyebabkan kos yang tinggi diperlukan untuk mendapatkan perkhidmatan dan barangan alat ganti serta aksesori bagi kenderaan tersebut dari luar negeri.

Kumpulan Kesihatan dan Pendidikan

Secara realitinya, kebanyakan rakyat di negeri ini tidak merasai kenaikan harga yang signifikan bagi kedua-dua kumpulan ini. Hal ini demikian kerana Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan Kad Sejahtera untuk membantu golongan B40 dan fakir miskin dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan di negeri ini.

Namun begitu, portfolio (Jawatankuasa) tertentu yang melibatkan kedua-dua kumpulan ini masih perlu mengenal pasti punca utama purata harga yang tinggi di dalam Kumpulan Kesihatan melibatkan perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam

serta Kumpulan Pendidikan yang melibatkan perkhidmatan di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu memastikan kenaikan harga purata bagi kedua-dua kumpulan ini sesuai dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan di seluruh negeri Terengganu.

Kumpulan Bersasar yang Terjejas

Walaupun Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan secara *one-off*, pemberian insentif khas berbentuk baucar khususnya untuk golongan B40 dan fakir miskin bagi tujuan pembelian barangan keperluan asas masih perlu diperluas. Ia boleh dilaksanakan melalui kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan syarikat-syarikat besar seperti Mydin, Giant dan Sabasun untuk memberikan harga yang istimewa kepada golongan ini dalam mendapatkan barangan keperluan asas.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh memberikan peluang khusus kepada golongan ini untuk menjana pendapatan tambahan melalui Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan menyediakan latihan secara berkala, medium perniagaan yang sesuai serta jaminan pembelian (yang dilaksanakan melalui pembelian menggunakan baucar tertentu) jika ia mencapai standard yang ditetapkan.

Penutup

Isu kenaikan harga barangan dan perkhidmatan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat pada ketika ini. Selain terkesan akibat PKP 3.0 yang dilaksanakan pada tahun lepas, faktor mendatang tidak boleh dipandang enteng. Krisis peperangan Rusia dan Ukraine, kejadian banjir lumpur serta cuaca yang tidak menentu dan di luar musim memungkinan kenaikan inflasi yang berterusan di negeri ini. Justeru, suatu intervensi serta penyelesaian yang tuntas dan pantas perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan perkara ini dapat diuruskan dengan sebaik mungkin seterusnya membantu dan mengeluarkan rakyat daripada kemelut yang menyesakkan ini.

SENARAI RUJUKAN

- Astro Awani. (2022). *Tekanan Inflasi Semasa Malaysia, Kenaikan Harga Adalah Sementara - IDEAS*.
<https://www.astroawani.com/berita-bisnes/tekanan-inflasi-semasa-malaysia-kenaikan-harga-adalah-sementara-ideas-347081>
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Inflasi dan Kos Sara Hidup*.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830675/cp01_003_rencana_updated.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2021)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2020)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2019)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2018)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2017)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Indeks Harga Pengguna*, Malaysia (Disember 2016)
- Unit Pembangunan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2022). *Petunjuk Ekonomi Terkini*.
<https://www.epu.gov.ms/statistik-sosioekonomi/petunjuk-ekonomi-terkini>
- YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar. (2021). *Buku Ucapan Belanjawan 2022 Terengganu Darul Iman*. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.



Sila petik karya ini seperti berikut :
Asyraf Bin Salleh. (2022, Mac 3). Inflasi di Terengganu - Cabaran dan Saranan
Perspektif, 2/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :
www.tsis.my



© Hak Cipta Terpelihara